

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2020

HARI ISNIN : 10 OGOS 2020

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 43)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah perancangan segera dan jangka masa panjang Kementerian mengenai Majlis Sukan Labuan yang pada masa ini tidak dapat berfungsi disebabkan tidak ada perjawatan dan peruntukan diberikan. Untuk pengetahuan ia masih mempunyai harta seperti kenderaan van yang belum diambil alih oleh mana-mana agensi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Majlis Sukan Labuan (MSL) merupakan Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran di bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP). Ini selaras dengan Jadual Kedua (sub seksyen 7(1)), Akta Majlis Sukan Negara 1971. Penubuhan MSL ini telah diluluskan semasa Mesyuarat Ahli Majlis, MSWP yang diadakan pada 29 April 2020. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan telah dilantik sebagai Pengerusi MSL bagi tempoh selama 2 tahun.

Walau bagaimanapun, sepanjang MSL tidak berfungsi sebelum ini, MSWP dengan kerjasama Perbadanan Labuan (PL) dan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Labuan sentiasa aktif menganjurkan program-program sukan di Wilayah Persekutuan Labuan. Antara komitmen MSWP bagi menggerakkan aktiviti sukan di Wilayah Persekutuan Labuan, MSWP telah melantik seorang Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 mulai tahun 2019.

Untuk rekod, MSWP telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM764 ribu bagi bantuan pelaksanaan program sukan di Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2019 hingga Mac 2020. Sebanyak RM162 ribu telah disalurkan kepada persatuan sukan yang berdaftar di Wilayah Persekutuan Labuan sebagai bantuan peralatan sukan pada tahun 2019 hingga Mac 2020. Selain itu, MSWP turut menyalurkan peruntukan kepada 17 Persatuan Sukan yang aktif dan berdaftar di Wilayah Persekutuan Labuan melalui bantuan pentadbiran iaitu sebanyak RM145 ribu pada tahun 2019 dan 2020.

Merujuk kepada kenderaan van milik MSL, MSWP dengan kerjasama PL telah selesai urusan pengambilalihan. Van tersebut akan digunakan oleh MSWP dan PL sebagai kenderaan Jabatan. Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan tindakan terkini Kementerian memastikan Wabak COVID-19 sentiasa dalam keadaan yang terkawal dan persediaan Kementerian menghadapi gelombang kedua COVID-19 sekiranya berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semenjak awal penularan COVID-19 lagi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil pelbagai tindakan bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan respon dalam menangani wabak ini, antaranya dengan **meningkatkan kapasiti fasiliti kesihatan** dan **peralatan perubatan** untuk merawat pesakit, memastikan **bekalan ubat sentiasa mencukupi**, **kesediaan makmal** pada suatu tahap yang optimum bagi melaksanakan ujian pengesanan COVID-19 serta **penubuhan pusat kuarantin** dan rawatan berisiko rendah.

2. Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 sebagai langkah proaktif untuk mengawal penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Pada ketika ini, walaupun fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilonggarkan dengan peralihan kepada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan kini kepada

SOALAN NO. 9

fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), namun ini tidak bermaksud kapasiti dan tahap kesiapsiagaan yang telah diperkukuhkan di peringkat KKM turut sama dilonggarkan. Tren kejadian jangkitan COVID-19 di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa terus dipantau rapi bagi memastikan situasi penularan jangkitan, khususnya di negara ini adalah sentiasa dalam keadaan yang terkawal.

3. Menyedari hakikat itu, Kementerian Kesihatan mengambil inisiatif memperkasakan komuniti melalui pendekatan “**Cegah dan Didik, Amal, Patuh dan Pantau**” (CAPP), bagi mendidik masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dan membolehkan rakyat sendiri menjadi barisan hadapan dalam melindungi diri, keluarga dan masyarakat setempat daripada penularan COVID-19. **Inisiatif CAPP dalam Program Pengurangan Risiko Daerah COVID-19 (District Risk Reduction Programme - DRRP)** adalah bertujuan untuk melindungi daerah hijau agar bebas daripada jangkitan COVID-19 dan menukar daerah kuning kepada daerah hijau dalam tempoh 14 hari. Ia juga selari dengan salah satu dari tujuh (7) strategi yang telah digariskan bagi pelaksanaan PKPP – iaitu “Pemeriksaan Tanggungjawab Komuniti”. Pendekatan CAPP dalam DRRP perlu dilaksanakan secara menyeluruh di lapangan kerana jangkitan COVID-19 merupakan ujian sebenar terhadap tahap disiplin sendiri dan tanggungjawab sosial ahli masyarakat.

4. Bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan inisiatif CAPP dalam DRRP ini, **kerjasama dan komitmen dari Kementerian dan Agensi** lain amat diperlukan. Justeru, **Kempen Pembudayaan Norma Baharu telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Ogos 2020.**

5. Sejak awal Jun 2020 juga, YB Menteri Kesihatan bersama pegawai-pegawai Kanan KKM telah membuat *roadshow* bertemu YB Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi mendapatkan komitmen negeri. Sehingga kini, 12 buah negeri telah diberikan taklimat mengenai Program Kesedaran dan Pemeriksaan Komuniti Bagi Menangani COVID-19. Selain itu, Pegawai Kesihatan Daerah juga telah diberikan taklimat dan amanat untuk memasukkan perkara ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah masing-masing. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 10 OGOS 2020

SOALAN

YB TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengenalpasti dan membantu pemohon suaka (*Asylum Seekers*) dalam pusat tahanan imigresen, termasuk kumpulan Rohingya.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Walaubagaimanapun, kerjasama yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada pihak UNHCR bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif kepada pemegang kad UNHCR telah melebihi obligasinya sebagai bukan negara anggota.

2. Justeru, Kerajaan melalui agensi – agensi keselamatan yang berkaitan akan melaksanakan siasatan sepenuhnya termasuklah dari aspek ketulenan dan keesahan permohonan perlindungan antarabangsa yang dikemukakan oleh tahanan di Depot Tahanan Imigresen yang mendakwa memerlukan perlindungan antarabangsa tersebut daripada pihak UNHCR.

3. Individu – individu ini hanya akan dirujuk kepada pihak Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur setelah siasatan selesai dilaksanakan dan didapati bahawa individu – individu ini memerlukan perlindungan antarabangsa.

4. Malaysia akan meneruskan kerjasama dengan pihak UNHCR, Pertubuhan Bukan Kerajaan, komuniti antarabangsa serta negara – negara lain dalam memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian di Malaysia. Menjadi Negara bukan Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967 bukanlah menjadi penghalang bagi Malaysia memberikan bantuan kemanusiaan tersebut. Walaubagaimanapun, sebarang tindakan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak kerajaan akan dilaksanakan secara berhati-hati agar aspek keselamatan negara dan keharmonian masyarakat di dalam negara akan sentiasa terpelihara. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN
BIN YAAKUB [MACHANG]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai individu serta perniagaan terutamanya Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang telah diisytiharkan muflis dan gulung tikar sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan pemberian moratorium selama enam (6) bulan yang bermula 1 April 2020 dan akan berakhir pada 30 September 2020 dan sekiranya penghutang masih tidak membuat pembayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh institusi kewangan, barulah berlaku kemungkiran kontrak (*default payment*) oleh penghutang yang berpunca daripada COVID-19.
2. Bagi tempoh 18 Mac 2020 hingga 30 April 2020, tiada kes kebangkrutan yang didaftarkan di Jabatan Insolvensi Malaysia dan bermula 1 Mei 2020 sehingga 30 Jun 2020, 787 kes kebangkrutan yang telah didaftarkan (146 kes bagi bulan Mei dan 641 kes bagi bulan Jun), namun kes kebangkrutan tersebut bukan berpunca daripada pandemik COVID-19.
3. Bagi melihat kesan sebenar COVID-19 ke atas penghutang, ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu (1) tahun. Hal ini disebabkan moratorium diberikan selama enam (6) bulan dan pemiutang hanya boleh mempetisyen tindakan kebangkrutan dalam tempoh enam (6) bulan selepasnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal akta khusus bagi menangani isu kebencian agama dan kaum serta diskriminasi bagi menyekat polemik kebencian yang semakin meruncing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal suatu undang-undang baharu sebagaimana yang dicadangkan oleh YB Kepong. Kerajaan hari ini telah mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama. Mereka yang sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara akan didakwa di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Di bawah undang-undang sedia ada, mana-mana pihak dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- (a) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;

NO. SOALAN : 12

- (b) seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (c) seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
- (d) seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah; dan
- (e) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk membina Mahkamah di Sipitang atau menempatkan Penasihat Undang-undang atau Timbalan Pendakwa raya bagi mengendalikan banyak kes-kes jenayah dari daerah Sipitang, Beaufort dan Labuan bagi menggantikan Mahkamah Litar yang beroperasi secara berskala pada masa ini.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Majistret Litar Sipitang merupakan litaran dari Mahkamah Majistret Labuan. Mahkamah Majistret Litar Sipitang ini mengendalikan kes-kes sivil dan jenayah serta akan bersidang sekali setiap bulan.
2. Bagi kes-kes sivil, sebanyak 140 kes didaftarkan pada tahun 2018. Dari jumlah ini, 158 kes telah diselesaikan termasuklah kes daripada tahun

sebelumnya, manakala baki kes yang masih aktif sehingga 31 Disember 2018 pula adalah sebanyak 30 kes. Bagi tahun 2019 pula, terdapat hanya 40 kes didaftarkan. Sebanyak 50 kes telah diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya manakala baki kes yang masih aktif sehingga 31 Disember 2019 pula adalah sebanyak 20 kes. Pada tahun ini, sehingga 30 Jun 2020, terdapat 41 kes didaftarkan, di mana 33 kes telah pun diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya, manakala baki kes yang masih aktif hanyalah sebanyak 28 kes.

3. Bagi kes-kes jenayah pula, terdapat sebanyak 928 kes telah didaftarkan pada tahun 2018 di mana 960 kes telah diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya manakala baki kes yang masih aktif sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 152 kes. Pada tahun 2019, jumlah kes yang didaftarkan adalah sebanyak 871 kes di mana 930 kes telah diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya manakala baki kes yang masih aktif sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 93 kes. Pada tahun ini pula, sehingga 30 Jun 2020, jumlah kes yang didaftarkan adalah sebanyak 321 kes; di mana 333 kes telah diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya dan baki kes yang masih aktif pula adalah sebanyak 81 kes.

4. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang berusaha dan mengambil perhatian pandangan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, pihak Pengarah Mahkamah Negeri Sabah telah menulis surat kepada Pejabat Daerah untuk memohon tanah bagi membina bangunan mahkamah pada masa hadapan.

Sekian. terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan semua projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang diluluskan secara rundingan langsung (*direct negotiation*) dan bukan secara tender terbuka, termasuk nilai, kawasan Parlimen dan nama-nama syarikat yang mendapat projek-projek tersebut, bermula 1 Mac 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, tiada projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diluluskan secara rundingan langsung (*direct negotiation*) bermula 1 Mac 2020 sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status Pusat Kanser Wilayah Utara yang terkini adakah masih dikekalkan tapaknya di Sungai Petani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pusat Kanser Wilayah Utara ini telahpun **diluluskan permohonannya dalam Rolling Plan (dengan izin) Ketiga RMKe-11**. Projek ini masih di peringkat **pra-pelaksanaan** di mana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang **memperincikan skop teknikal projek** bagi persediaan untuk proses Bengkel Pengurusan Nilai bersama Unit Perancangan Ekonomi (UPE).
2. **Tapak projek masih kekal di Amanjaya, Sungai Petani**. Lokasi tapak ini adalah kira-kira lima (5) kilometer dari Hospital Sultan Abdul Halim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berikutan dengan tanda-tanda pemulihan perdagangan terjejas sebelum ini akibat COVID-19, apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani penurunan import minyak sawit oleh India dari Malaysia; dan tindakan yang diambil bagi memulihkan eksport kelapa sawit ke India; serta untuk meyakinkan India mengimport minyak sawit Malaysia seperti sedia kala.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penurunan eksport minyak sawit Malaysia ke India bermula pada suku keempat 2019 berikutan sentimen politik pada ketika itu. Susulan ketidakpuasan hati, India telah mengenakan duti import 5 peratus ke atas produk minyak sawit Malaysia pada 4 September 2019. Prestasi eksport jelas menunjukkan penurunan pada suku pertama tahun 2020 dengan mencatatkan jumlah import turun kepada hanya 172 ribu tan, berbanding 1 juta tan pada tempoh yang sama pada tahun 2019.

SOALAN NO : 16

Berikutan dengan penurunan eksport, Kerajaan melalui pelbagai Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan India. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi juga melalui agensi-agensinya secara berterusan mengadakan perbincangan maya dengan pemain industri di India dan perbincangan dua hala dengan Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia. YAB Perdana Menteri juga telah mengadakan perbincangan dengan Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia bagi menangani isu ini dan memaklumkan kesediaan beliau untuk bertemu dengan TYT Perdana Menteri India apabila keadaan mengizinkan. Malaysia juga telah berusaha memastikan jurang dagangan yang berpihak kepada Malaysia dikurangkan dengan mengimport produk keluaran India seperti beras.

Pada 4 Mac 2020, Kerajaan India telah membuat keputusan untuk tidak memperbaharui arahan duti import tersebut. Atas keputusan Jemaah Menteri, saya telah merakamkan penghargaan Malaysia kepada Kerajaan India pada 25 Mac 2020.

Melihat kepada kesungguhan Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri yang gigih memperbaiki hubungan dua hala yang sebelum ini terjejas, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit negara ke India telah menunjukkan peningkatan. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), jumlah eksport produk sawit ke India telah meningkat 78 peratus daripada 39,744 tan pada bulan Februari 2020, kepada 70,763 tan pada Mei 2020. Unjuran yang dibuat oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menunjukkan bahawa sehingga akhir 2020, India dijangka akan mengimport antara 1.6 hingga 1.8 juta tan produk sawit Malaysia dan dijangka kekal menjadi antara pengimport utama pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[KUBANG PASU]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penyemakan dan penyusunan semula Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) serta adakah RMK-12 masih disejajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dengan mengambil kira kesan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) sedang dalam proses akhir penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) yang dijadual dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2020. Walau bagaimanapun, pembentangan RMKe-12 telah ditangguhkan kepada tahun 2021 disebabkan situasi semasa termasuk ketidaktentuan ekonomi dunia berikutan pandemik koronavirus (COVID-19) yang menyebabkan negara berhadapan dengan krisis kesihatan dan ekonomi yang serius.

2. Situasi ini menyebabkan terdapat keperluan untuk menyusun semula perancangan ekonomi di bawah RMKe-12. Penyusunan semula strategi RMKe-12 ini adalah perlu bagi mengambil kira kesan wabak COVID-19 serta cabaran norma baharu dengan persekitaran ekonomi yang berubah. Selain itu, analisis ekonomi yang akan disediakan perlulah berdasarkan kepada data dan fakta ekonomi yang terkini termasuk pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia serta harga minyak mentah semasa bagi membolehkan unjuran dan strategi yang dicadangkan adalah lebih relevan.

3. Dalam masa yang sama, penubuhan dan penstrukturan semula kementerian pada bulan Mac 2020 turut menyebabkan semua perancangan ini perlu dinilai semula. Setiap kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri wajar diberi masa untuk menilai semula strategi dan keutamaan. Ini bagi memastikan inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah RMKe-12 kelak adalah sejajar dasar semasa yang menekankan kesejahteraan rakyat sebagai aspirasi dan tunjang kepada dasar Kerajaan Perikatan Nasional.

4. Bagi tujuan ini, Kerajaan sedang mengadakan semula sesi libat urus bersama semua pihak berkepentingan melalui beberapa siri perbincangan antara pelbagai kementerian dan agensi di semua peringkat termasuk kerajaan negeri. Sesi libat urus bersama kumpulan pakar yang terdiri daripada organisasi dalam dan luar negara seperti Bank

Dunia, *United Nation*, *Malaysian Institute of Economic Research*, *Institute Of Strategic & International Studies* dan *Khazanah Research Institute* juga turut diadakan. Cadangan dan input yang diperolehi melalui sesi ini akan diteliti bagi mendapatkan maklum balas terkini mengenai strategi dan inisiatif yang komprehensif dan holistik mengambil kira perubahan dan norma baharu pasca COVID-19.

Tuan Yang Dipertua

5. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, RMKe-12 merupakan fasa pertama bagi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang merupakan dasar pembangunan jangka panjang sedia ada. Matlamat WKB 2030 adalah bertujuan untuk membolehkan rakyat Malaysia mengecapi taraf hidup wajar atau, dengan izin '*decent standard of living*'.

6. Selain menjajarkan strategi RMKe-12 bagi mencapai objektif WKB 2030, Kerajaan juga sedang memperkemaskan strategi untuk mempercepatkan langkah untuk mengubah struktur ekonomi ke arah yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing. Tumpuan juga diberi untuk merapatkan jurang pendapatan yang semakin melebar di antara kumpulan pendapatan dan megurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah. Oleh yang demikian, dasar dan strategi yang diperkenalkan di bawah RMKe-12 adalah untuk mengatasi cabaran tersebut dan sekaligus memastikan kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama oleh segenap lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos keseluruhan dalam menangani saringan COVID-19 daripada Februari hingga masa kini dan berapa peruntukan yang disediakan untuk menghadapi "*second wave infections*", kes-kes pesakit yang "*asymptomatic*" dan mutase COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan dapatan yang diperolehi oleh para penyelidik dari seluruh dunia, begitu juga dengan tren kes yang dilaporkan, kejadian pandemik COVID-19 ini dijangka akan berterusan untuk suatu tempoh masa yang agak lama. Malaysia telah menghadapi gelombang pertama bermula dari 2 Januari 2020 sehingga 15 Februari 2020. Kini Malaysia di gelombang kedua sejak kes pertama dilaporkan pada 27 Februari 2020.

2. Sehingga 10 Julai 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membelanjakan sebanyak **RM650 juta** melibatkan pembelian peralatan, PPE, bekalan perubatan, test kit/ reagen bagi tujuan saringan, konsumable serta termasuk lantikan kakitangan kontrak dan bayaran elaun COVID-19 kepada barisan hadapan dalam mengawal dan merawat COVID-19. Kerajaan akan sentiasa memastikan peruntukan yang mencukupi dalam memastikan wabak COVID-19 dapat diuruskan dengan baik dan terkawal.

3. KKM masih mempunyai baki sebanyak **RM350 juta** yang belum dibelanjakan dari keseluruhan peruntukan RM1 bilion bagi kawalan dan pencegahan wabak COVID-19 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk menangani pandemik ini. Kementerian akan menggunakan baki peruntukan khas ini untuk persediaan sekiranya berlaku gelombang ketiga COVID-19. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2020, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 10 OGOS 2020

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan rancangan menggesa badan-badan dunia khususnya Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organisation of Islamic Cooperation – OIC*) bagi menghalang rancangan pengilhakan (*annexation*) Israel ke atas Tebing Barat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan Malaysia sentiasa konsisten dengan dasar luarnya terhadap isu penindasan Israel ke atas rakyat Palestin secara berterusan. Malaysia sejak dahulu lagi mengutuk sekeras-kerasnya pembinaan penempatan haram oleh Israel. Tindakan Parlimen Israel meluluskan pembinaan penempatan haram sememangnya menyalahi undang-undang antarabangsa, khususnya Resolusi 2334, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diluluskan pada 23 Disember 2016.

3. Dalam konteks ini, Malaysia melihat rancangan Israel untuk mengilhak (*annex*) sebahagian wilayah Tebing Barat adalah sebagai lanjutan kepada pencabulan berterusan Israel ke atas hak-hak rakyat Palestin dan penghinaan terhadap undang-undang antarabangsa. Aktiviti penempatan haram Israel ini juga mampu mengancam penyelesaian dua negara konflik ini.

4. Lanjutan daripada isu ini, antara perkara yang telah dilaksanakan oleh Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan pada 22 Mei 2020 bagi mengutuk sekeras-kerasnya rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian wilayah Tebing Barat;
- ii. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membangkitkan isu ini semasa perbualan telefon dengan Presiden Recep Tayyip Erdogan, Presiden Republik Turki pada 1 Jun 2020;

- iii. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) *Open-Ended Virtual Extraordinary Meeting* Peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri yang diadakan secara atas talian (*virtual*) pada 10 Jun 2020 bagi membincangkan rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian wilayah Tebing Barat;
- iv. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui satu kenyataan media bertarikh 14 Jun 2020 menzahirkan rasa sangat prihatin dan sokongan Baginda kepada rakyat Palestin yang terus dijajah dan ditindas oleh rejim Israel. Seri Paduka Baginda juga menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk mendoakan agar rakyat Palestin dilindungi serta menitahkan agar masjid-masjid dan surau-sarau untuk mengadakan solat sunat hajat dan doa selamat;
- v. Semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-36 melalui Persidangan Video pada 26 Jun 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru supaya Majlis Keselamatan PBB untuk menentang rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian wilayah Tebing Barat; dan
- vi. Di atas permintaan Kerajaan Palestin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merakamkan satu video pada 2 Julai 2020 bagi menyatakan sokongan kepada Kerajaan Palestin menentang keputusan sepihak Israel untuk mengilhak sebahagian Tebing Barat. Kerajaan Palestin memaklumkan bahawa rakaman tersebut akan disiarkan bersama-sama dengan video sokongan daripada pemimpin-pemimpin dunia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Semasa Mesyuarat Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) *Open-Ended Virtual Extraordinary Meeting* Peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri yang diadakan secara atas talian (*virtual*) pada 10 Jun 2020,

Malaysia dan kesemua negara anggota OIC yang hadir ke mesyuarat tersebut telah mengulangi sokongan padu yang berterusan terhadap Palestin serta mengutuk dan menolak tindakan kejam Israel untuk mengilhak tanah milik Palestin di Tebing Barat. Mesyuarat tersebut telah menzahirkan persetujuan sebulat suara kesemua negara anggota OIC untuk menerima pakai resolusi OIC mengenai ancaman Israel mengilhak sebahagian tanah milik Palestin yang dijajah pada 1967 (threats of the Israeli Occupation Government to Annex Parts of State of Palestine's territory Occupied in 1967).

Tuan Yang di-Pertua,

6. Malaysia berpendirian teguh bahawa penyelesaian terbaik kepada konflik Palestin-Israel hanya boleh dicapai melalui rundingan bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau yang berkekalan. Justeru, Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara-negara rakan yang lain untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin dalam pelbagai fora termasuk dua dala dan pelbagai hala.

7. Sukacita saya tegaskan di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa Malaysia akan senantiasa memainkan peranan aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan kepada konflik Palestin-Israel, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- (a) sama ada tapak pelupusan sisa radioaktif (PDF) Asian Rare Earth di Banjaran Kledang telah retak; dan
- (b) wang rakyat digunakan untuk membayar kos pemantauan dan penyelenggaraan. Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini dan berapa tahun lagi PDF ini akan dipantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dan Kerajaan Negeri Perak menjalankan pemantauan berkala ke atas tapak ini. Kemudahan pelupusan sisa radioaktif Asian Rare Earth di Bukit Kledang ini masih pada tahap yang ditetapkan (e.g. tidak retak dan stabil). Ianya masih kukuh dan selamat serta disenggara dengan baik oleh pemiliknya serta aktiviti pemantauan radiologi dan pensampelan alam sekitar dilakukan secara berkala dan sampel dianalisis oleh institusi yang diiktiraf.

PDF diletakkan di bawah "Institutional Control" selama 300 tahun. Segala kos pemantauan dan penyelenggaraan adalah dibayar oleh Asian Rare Earth melalui perjanjian dengan Kerajaan Negeri Perak.

Runtuhan cerun yang berlaku tahun lepas terletak jauh dari tapak ini (400 meter). Adalah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kinta, Perak, melalui kontraktor yang dilantik telah selesai menjalankan kerja-kerja fizikal penyiasatan tanah bagi tujuan pembaikan cerun pada 23 Jun 2020. Pihak JKR akan menyediakan laporan lengkap beserta dengan lain-lain keperluan yang diperlukan sebaik sahaja menerima laporan teknikal dan analisa makmal dari kontraktor yang menjalankan kerja-kerja tersebut. Bagi tujuan pembaikan cerun, pihak MB Inc. Perak akan berurusan secara terus dengan Kerajaan Negeri dan juga JKR Perak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 OGOS 2020 | ISNIN

**DARIPADA : DATO' IR. AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[KUBANG PASU]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat skandal kewangan Lembaga Tabung Haji.

**JAWAPAN : YB DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JPM (HAL EHWAL AGAMA)**

Kerajaan amat memahami bahawa dalam meneliti dan menilai segala transaksi yang dilakukan oleh Tabung Haji, perlunya kepada suatu badan yang bebas dan berautoriti. Justeru, kerajaan akan mempertimbangkan dan memperhalusi cadangan ini. Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat akan membincangkan sedalam-dalamnya berkenaan isu Tabung Haji, termasuk cadangan serta kewajaran penubuhan RCI. Ingin saya tegaskan bahawa segala yang dilakukan oleh Kerajaan adalah dengan niat suci, untuk mencari titik penyelesaian yang boleh diterima semua pihak, serta paling penting, untuk memastikan segala urustadbir Tabung Haji menepati kepentingannya sebagai institusi milik umat Islam di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 OGOS 2020 | ISNIN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu penjualan aset Tabung Haji kepada Urusharta Jemaah Sdn. Bhd. (UJSB) iaitu empat buah hotel Tabung Haji (**TH**) di Kota Kinabalu, Bayan Lepas, Alor Setar dan Kuala Terengganu pada harga RM9.63 bilion.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah selesai dimuktamadkan pada 30 Mei 2019 dengan bantuan Kerajaan Malaysia untuk memulihkan kedudukan kewangan **TH**.

2. Di bawah Pelan Pemulihan dan Penstrukturan ini, **TH** menikmati manfaat kewangan yang berpanjangan hasil daripada penerbitan Sukuk berjumlah RM19.6 bilion. Sukuk ini dan tunai sebanyak RM300 juta menjadi tukaran kepada aset-aset **TH yang** kurang berdaya saing yang dipindah milik kepada Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik Kerajaan, iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB). Sukuk ini membawa pulangan tahunan sebanyak 4.05% sehingga 4.1% atau bersamaan hampir RM800 juta setahun kepada **TH**.

3. Termasuk dalam pemindahan aset ini ialah empat (4) buah hotel **TH** yang dipindahkan pada nilai perpindahan RM494.2 juta berbanding nilai buku RM325.2 juta. Ini membolehkan **TH** menjana keuntungan sebanyak RM169 juta menerusi perpindahan empat (4) hotel tersebut.

4. Kerajaan amat memahami bahawa dalam meneliti dan menilai segala transaksi yang dilakukan oleh Tabung Haji, perlunya kepada suatu badan yang bebas dan berautoriti. Justeru, kerajaan akan mempertimbangkan dan memperhalusi cadangan ini. Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat akan membincangkan sedalam-dalamnya berkenaan isu Tabung Haji, termasuk cadangan serta kewajaran penubuhan RCI. Ingin saya tegaskan bahawa segala yang dilakukan oleh Kerajaan adalah dengan niat suci, untuk mencari titik penyelesaian yang boleh diterima semua pihak, serta paling penting, untuk memastikan segala urustadbir Tabung Haji menepati kepentingannya sebagai institusi milik umat Islam di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian menjaga kebajikan para doktor di Malaysia setelah wabak COVID-19 berjaya dibendung, memandangkan setakat ini lebih 3,000 doktor bakal dikecualikan daripada kontrak tetap bersama Kementerian, dan doktor yang diserap masuk pula bakal mendapat gaji yang lebih rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelantikan tetap adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap. Mulai tahun 2015, Kerajaan telah menguatkuasakan Dasar Penggunaan Sumber Manusia secara optimum dan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam yang **tidak lagi membenarkan semua Kementerian mewujudkan jawatan baharu melainkan hanya boleh dibuat secara tukar ganti (trade-off)** dengan jawatan kosong lain sedia ada.

2. Oleh itu, Kerajaan pada tahun 2016 telah memutuskan supaya kaedah pelantikan graduan perubatan diubah daripada pelantikan secara tetap kepada pelantikan secara kontrak bagi membolehkan graduan perubatan **menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib seperti mana ketetapan Akta Perubatan 1971, tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap.**

3. Pada masa ini, tempoh lantikan secara kontrak yang dipersetujui Kerajaan maksimumnya adalah selama lima (5) tahun, iaitu tiga (3) tahun bagi menjalani latihan siswazah dan dua (2) tahun bagi khidmat wajib. Dalam tempoh dari Disember 2016 sehingga Mac 2020, **seramai 18,838 Pegawai Perubatan Gred UD41 telah dilantik secara kontrak.**

4. **Pertimbangan pelantikan tetap** dibuat secara berasingan selepas pegawai melengkapkan latihan siswazah dengan **mengambil kira faktor kekosongan jawatan tetap sedia ada** serta **pegawai memenuhi syarat pelantikan dan merit yang ditetapkan.**

5. **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan perjawatan tetap baharu secara tukar ganti sebanyak 10,675 secara berfasa** bagi tujuan menangani keperluan perkhidmatan di fasiliti baharu dan yang dinaik taraf. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 997 adalah jawatan Pegawai Perubatan. Dengan kelulusan perjawatan tersebut, **sebahagian daripada pegawai lantikan kontrak boleh dipertimbangkan pelantikan tetap.** Selain daripada melalui pengisian

jawatan baharu yang diwujudkan, pegawai juga boleh dipertimbangkan pelantikan tetap apabila jawatan sedia ada dikosongkan berikutan faktor atrisi seperti persaraan dan peletakan jawatan.

6. Bagi isu gaji yang lebih rendah pula, seperti mana dasar yang diputuskan oleh Kerajaan pada tahun 2016, **pegawai yang telah tamat latihan siswazah tetapi tidak dilantik tetap, akan ditawarkan kontrak atas Gred UD41 bagi menjalani khidmat wajib.** Kementerian Kesihatan mengambil perhatian akan kedudukan gaji pegawai yang sedikit rendah berbanding dengan pegawai lantikan tetap. Penambahbaikan bagi perkara ini sedang diselaraskan dengan Agensi Pusat sebelum diperakukan semula untuk pertimbangan dan kelulusan Kerajaan.

7. Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan prihatin terhadap isu pelantikan kontrak untuk pengajian kepakaran ini dan kini sedang meneliti kebolehlaksanaan beberapa opsyen penambahbaikan. Namun, perkara ini masih dalam penelitian dan perlu diangkat untuk kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Kementerian Kesihatan akan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan isu lantikan kontrak dan pengajian kepakaran ini agar pendekatan yang dilaksanakan lebih menyeluruh dan dapat menambahbaik kerjaya Pegawai Perubatan dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 10 OGOS 2019 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana perancangan Kementerian untuk memajukan industri hiliran komoditi bagi meningkatkan sosio-ekonomi rakyat dan sumber perolehan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memajukan industri hiliran agrikomoditi bagi meningkatkan sosio-ekonomi rakyat dan sumber perolehan negara. Antara strategi yang dilaksanakan bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan geran komersial sebanyak RM32.3 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menghasilkan produk-produk tambah nilai berasaskan sawit di sektor pembuatan produk makanan dan bukan makanan serta sektor pembuatan oleokimia;
- (ii) melaksanakan program biodiesel B7, B10 dan B20 bagi sektor pengangkutan dan industri untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit mentah (CPO) di dalam negara;
- (iii) mempergiatkan aktiviti pembuatan produk-produk berasaskan getah yang baharu dan bernilai tambah tinggi seperti *seismic bearing*, barang guna habis untuk perubatan (*medical consumables*) seperti sarung tangan getah dan lain-lain;
- (iv) melaksanakan pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya berasaskan getah iaitu *cuplump modified bitumen* (CMB);
- (v) menyediakan dana sebanyak RM20 juta untuk meningkatkan aplikasi automasi dalam kalangan industri hiliran getah. Dana ini disalurkan oleh *Malaysian Rubber Export Promotion Council* (MREPC) yang juga turut menyediakan insentif bagi promosi serta latihan kepada kakitangan PKS;
- (vi) menjadikan Malaysia sebagai *King of Chocolate* di Asia, iaitu pusat pengeluar produk coklat utama di rantau Asia yang memberi

tumpuan kepada sektor pengisaran seterusnya meningkatkan pengeluaran produk berasaskan koko bernilai tambah tinggi;

- (vii) mempergiatkan aktiviti promosi domestik dan antarabangsa melalui penganjuran program serta mengambil bahagian dalam pameran tempatan dan antarabangsa yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan dan Agensi mahupun swasta seperti *Malaysian Cocoa and Chocolate Day (MCCD)*, *Pepper Day*, *Halal Trade Korea*, *Malaysia Dubai Expo* dan sebagainya;
- (viii) menyediakan insentif bantuan mesin yang bersesuaian kepada usahawan untuk meningkatkan kualiti pengeluaran produk hiliran lada dan mempelbagaikan produk lada seperti yang dikehendaki oleh pasaran domestik dan antarabangsa;
- (ix) meneroka pasaran baharu bagi semua komoditi melalui aktiviti promosi dan pepadanan pasaran baharu dengan pengilang tempatan dan pembeli dari luar negara; dan
- (x) menjalankan misi-misi ekonomi dan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk komoditi Malaysia bagi mendapatkan akses pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penyiasatan SPRM terhadap tuduhan yang dibuat pada bulan Mac 2020, mengenai penyalahgunaan kuasa dalam Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dilancarkan semula.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SPRM sedang menjalankan siasatan berhubung penyalahgunaan kuasa dalam Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Pada masa ini, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION
BIN ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini tuntutan bayaran cukai jualan (*sales tax*) Kerajaan Sarawak ke atas Petronas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Kementerian Kewangan Malaysia, Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS sedang dalam proses rundingan bagi penyelesaian komersial yang antaranya turut melibatkan perkara berkaitan pembayaran cukai jualan Petroleum Negeri Sarawak ("*Sarawak State Sales Tax*").
2. Setelah berbincang dengan Kerajaan Persekutuan, PETRONAS dan Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk menyelesaikan isu berkaitan Sarawak State Sales Tax (SST) secara rundingan dan tidak melalui tindakan undang-undang.
3. Sehubungan itu, PETRONAS pada 3 Ogos 2020 telah menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuching bahawa Sarawak berhak mengutip cukai jualan bagi produk petroleum. Kerajaan Negeri Sarawak, pada masa sama juga telah menarik balik rayuan balas berhubung isu bidang kuasa Mahkamah Tinggi mengenai SST.
4. Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya dan YB Menteri Kewangan bersama Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS ditubuhkan bagi merundingkan penyelesaian komersil termasuk isu SST dan tuntutan 20% royalti.
5. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah diadakan pada 17 Jun 2020 di Kementerian Kewangan yang dihadiri delegasi Sarawak diketuai oleh YB Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak serta wakil daripada pihak PETRONAS.
6. Pada masa ini, rundingan masih lagi diteruskan di antara ketiga-tiga pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- (a) Adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Hospital Bintulu? Jika ya, bilakah pelaksanaan dimulakan; dan
- (b) Apakah status permohonan dan perancangan Kementerian untuk menambah tempat letak kereta di Hospital Bintulu memandangkan Hospital Bintulu menerima ramai pesakit termasuk Tatau dan Belaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Bintulu merupakan sebuah hospital pakar minor yang telah beroperasi sejak tahun 2000. Ia mempunyai jumlah katil sebanyak 294 dan nisbah penggunaan katil (2019) sebanyak 80%. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menaiktaraf Hospital Bintulu, Sarawak.

2. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan **bercadang untuk membina Blok Klinikal Baru** di Hospital Bintulu yang merangkumi antaranya wad, klinik, dewan bedah, dewan bersalin dan lain-lain lagi. Projek ini **akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Ke-12** (RMK-12) akan datang.

3. Berkenaan tempat letak kereta di Hospital Bintulu pula, Kementerian Kesihatan pernah menerima permohonan dari pihak Yang Berhormat Ahli Parlimen Bintulu pada 4 April 2017 bagi memberikan kebenaran untuk menambah ruang Tempat Letak kereta (TLK) sedia ada di hospital berkenaan di atas sebidang tanah berkeluasan 1.5 ekar yang terletak berhampiran pintu masuk utama hospital. Kementerian Kesihatan pada 14 April 2017 memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan tidak mempunyai sebarang halangan terhadap permohonan Yang Berhormat tersebut, iaitu bagi membina tapak TLK sementara melalui kaedah merata dan menurap tapak yang dicadangkan tersebut menggunakan sumber peruntukan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, **jumlah lot TLK sedia ada di Hospital Bintulu adalah sebanyak 470 lot.**

4. Kementerian Kesihatan pada masa yang sama sedang mencari **penyelesaian holistik** bagi mengatasi masalah kesesakan dan kekurangan lot tempat letak kereta di semua fasiliti kesihatan milik Kementerian ini. Antaranya bagi **inisiatif jangka panjang**, terdapat **cadangan pembinaan kompleks TLK bertingkat secara kerjasama awam swasta**, di mana projek rintis sedang dilaksanakan di beberapa buah hospital di kawasan Lembah Klang. Sekiranya projek tersebut berjaya, pelaksanaan projek tersebut akan diperluaskan ke fasiliti-fasiliti kesihatan lain mengikut keperluan tertakluk kepada kecukupan ruang tanah bagi melaksanakan projek dan juga keupayaan orang awam untuk membayar caj TLK yang akan dikenakan oleh pihak swasta tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY
BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah doktor pelatih yang telah tidak disambung kontrak mereka setelah kontrak perkhidmatan mereka tamat. Seterusnya, diminta pihak Kementerian untuk memperincikan kaedah penilaian kepada doktor-doktor pelatih sebelum diserap secara tetap ke dalam Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Selaras dengan keputusan Kerajaan pada tahun 2016,** graduan perubatan dilantik secara kontrak bagi tujuan menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib. Sehingga Mac 2020 **sejumlah 18,838 graduan telah pun dilantik. Perkhidmatan kesemua pegawai tersebut masih lagi disambung** dan kini berada dalam tempoh kontrak mereka dan dijangka akan tamat pada Disember 2021. Sehingga sekarang tiada pegawai perubatan yang ditamatkan kontrak kecuali yang meletak jawatan atau yang ditamatkan kontrak atas faktor kesihatan bagi tujuan pemulihan.
2. Kaedah penilaian Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) Kontrak UD41 untuk mengisi jawatan tetap mestilah memenuhi kriteria teknikal dan umum perkhidmatan namun, tertakluk kepada kekosongan perjawatan tetap di KKM.

3. Bagi kriteria teknikal, PPS mestilah lulus 6 posting dengan jayanya dan mendapat purata markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) serta purata markah *Certificate Completion of Posting (CCP)* yang cemerlang yang akan menentukan merit dikumpul oleh pegawai. Seterusnya, pegawai akan disusun mengikut keutamaan (*ranking*) berdasarkan jumlah merit yang dikumpul.

4. Walaubagaimanapun, PPS yang memenuhi kriteria teknikal perlu juga memenuhi kriteria umum iaitu bebas daripada tindakan tatatertib, memenuhi syarat skim perkhidmatan dan. Selain itu, PPS mestilah mempunyai Pendaftaran Penuh, disahkan sihat untuk mengamal (*fitness to practise*) jika ada masalah kesihatan fizikal atau mental, dan tiada kes tata etika oleh MPM.

5. Kriteria dan proses penilaian ke lantikan tetap telah dimakluman secara berterusan kepada PPS termasuklah semasa mereka mula dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) UD41 dan sepanjang perkhidmatan mereka.

6. Pemohonan untuk ke pelantikan tetap akan disaring di peringkat hospital latihan siswazah masing-masing dan di bawa ke peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan proses penilaian dan pemilihan dilaksanakan secara telus dan adil. Cadangan pelantikan tetap seterusnya akan diangkat kepada pengurusan tertinggi KKM untuk disahkan sebelum diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi pertimbangan pelantikan tetap.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 10 OGOS 2020

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini atas pindaan direktif 23 Majlis Keselamatan Negara berkenaan hak orang pelarian dan pemohon suaka di Malaysia serta isi kandungan yang dicadangkan.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Proses pengemaskinian dan semakan semula Arahan MKN No. 23: “Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR”, yang dikeluarkan pada tahun 2009 serta dasar – dasar lain sedia ada sedang dilaksanakan dan diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

2. Matlamat utama penambahbaikan ini adalah untuk meningkatkan lagi pengurusan pelarian di Malaysia dan dalam masa yang sama memastikan Kerajaan memainkan peranan utama dalam menentukan status pelarian dan pemohon suaka di dalam negara yang sebelum ini dilaksanakan oleh pihak UNHCR.

3. Dasar – dasar sedia ada negara ke atas pelarian yang memegang kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (Kad UNHCR) termasuk etnik Rohingya, Myanmar adalah seperti berikut:

- (i) Bebas bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang – undang negara. Walau bagaimanapun, pelarian ini hanya dibenarkan untuk berada di Semenanjung Malaysia sahaja. Ini kerana kad UNHCR bukanlah dokumen perjalanan yang sah;
- (ii) Tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan *prinsip ‘non-refoulement’* melainkan secara sukarela (*voluntary return*). “Pelarian” tersebut perlu membuktikan bahawa nyawa mereka terancam sekiranya dihantar pulang ke negara asal. Walaubagaimanapun, pelarian akan dihantar

pulang sekiranya individu pelarian tersebut memberikan ancaman kepada keselamatan negara;

- (iii) Kemudahan untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan ditanggung oleh Kerajaan sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat;
- (iv) Mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti pelarian dan UNHCR; dan
- (v) Bekerja dalam sektor tidak formal seperti bekerja sendiri bagi tujuan sara hidup.

4. Walau bagaimanapun, hak-hak dan keistimewaan tersebut bukanlah suatu hak yang mutlak. Ia diberikan oleh Kerajaan Malaysia atas dasar kemanusiaan dan berdasarkan '*case by case basis*' selaras dengan perundangan, peraturan dan dasar yang berkuat kuasa. Sekiranya pelarian ini terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah, tiada perlindungan akan diberikan kerana mereka juga tertakluk kepada semua undang-undang negara yang berkuat kuasa. Kerajaan juga akan meneliti dan menambahbaik setiap dasar dan polisi sedia ada agar ianya selari dan bertepatan dengan amalan yang disyorkan oleh badan – badan antarabangsa yang berkaitan serta berdasarkan kepada kemampuan semasa negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan bilakah pendaftaran pengundi secara automatik dan penguatkuasaan usia kelayakan mengundi 18 tahun. Apakah langkah Kerajaan untuk segera melaksanakannya.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di- Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas (2019) yang lalu.

2. Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan **pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan *standard operating procedures* (SOP) dan penyediaan sistem dan infrastruktur** bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

3. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan **beberapa sesi libat urus** bersama beberapa jabatan/agensi Kerajaan seperti berikut:

- (i) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri;
- (iii) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- (iv) Jabatan Penjara Malaysia;
- (v) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah;
- (vi) Kementerian Kesihatan Malaysia;

(vii) Angkatan Tentera Malaysia; dan

(viii) Polis DiRaja Malaysia.

4. Selain itu, SPR juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan seperti berikut:

(i) Sesi Libat Urus Bersama Parti-Parti Politik Dari Blok Kerajaan Dan Blok Pembangkang (Bipartisan) Berhubung Pelaksanaan Umur Pengundi dan Calon 18 Tahun serta Pendaftaran Pemilih Secara Automatik pada 3 Oktober 2019;

(ii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sarawak pada 26 November 2019; dan

(iii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sabah pada 3 Disember 2019.

5. Melalui penganjuran sesi-sesi libat urus tersebut, SPR telah memberi penerangan mengenai perancangan pelaksanaan pindaan undang-undang yang telah diluluskan serta mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada semua pihak.

6. Di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui **Jawatankuasa Taskforce SPR dan JPN** dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan-urusan lain yang berkaitan. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan akan dapat disiapkan dalam tempoh **18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019** yang lalu. Tarikh pelaksanaan tersebut dijangka selewat-lewatnya adalah pada bulan **Julai 2021**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YET [SIBU]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil bagi membincangkan isu tuntutan Perjanjian Malaysia antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan bilakah perbincangan ini dijangka tamat.

JAWAPAN: YB DATO' HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan kini dalam proses akhir dan sedang memuktamadkan cadangan struktur dan komposisi Majlis Khas untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Keputusan untuk penubuhan Majlis Khas ini adalah selaras dengan syor dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKK MA63) yang telah dibubarkan pada 18 November 2019 terdahulu. Dijangka perkara berkenaan penubuhan Majlis Khas ini serta hala tuju baharu semakan pelaksanaan MA63 akan dibawa ke Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat. Ini termasuklah antara lain hala tuju selanjutnya berhubung dengan cadangan untuk semakan Perkara

1(2) Perlembagaan Persekutuan Persekutuan yang mana masih perlu diperbincangkan dengan lebih lanjut sebelum Jemaah Menteri membuat sebarang keputusan mengenainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berhubung dengan status semasa pelaksanaan 17 daripada 21 perkara yang telah dibentang dalam JKKK MA63, secara umumnya, agensi-agensi yang bertanggungjawab dijangka memerlukan tempoh sekitar 1-2 tahun untuk melaksanakan keputusan-keputusan tersebut. Manakala baki 4 perkara yang belum selesai seperti **Royalti Minyak dan Bayaran Tunai Petroleum, Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83]** akan diteruskan perbincangan selanjutnya dalam Majlis Khas yang bakal ditubuhkan kelak.

Kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agenda ini akan meredakan ketidak-puasan hati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang selama ini merenggangkan perpaduan dan integriti wilayah yang kukuh serta sekaligus akan dapat memperkasakan patriotisma dan nasionalisma negara bangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE
[DAMANSARA]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan langkah untuk memastikan pihak bertanggungjawab ke atas penyelewengan 1MDB dan SRC International diambil tindakan. Adakah segala wang dan aset yang berpunca daripada skandal tersebut akan dirampas dan dikembalikan kepada Kerajaan.

JAWAPAN

YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara komited untuk mendakwa mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan jenayah tanpa mengambil kira bangsa, kedudukan, keturunan dan fahaman politik orang itu. Setakat ini, sebanyak tiga puluh empat kes yang berhubungan dengan kes 1MDB dan kes SRC International telah didakwa di Mahkamah. Daripada tiga puluh empat kes tersebut, tiga puluh dua kes masih dalam perbicaraan di Mahkamah.
2. Apa-apa wang dan aset berhubung dengan kes ini yang telah dan akan dirampas dan dikembalikan kepada Kerajaan yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Pemulihan Aset 1MDB. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2020, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 10 OGOS 2020

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI LUAR NEGERI** mengenai pendirian Kerajaan mengenai dasar luar Malaysia terhadap isu kemanusiaan di Kashmir yang semakin kusut sejak COVID-19 melanda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Seperti yang telah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini, Malaysia sentiasa peka dan mengambil berat mengenai isu kemanusiaan di Jammu dan Kashmir. Malaysia mendukung segala inisiatif dalam usaha ke arah penyelesaian jangka masa panjang kepada isu ini. Malaysia juga berharap agar pihak-pihak berkepentingan dalam isu ini akur dengan resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha bagi menjamin keamanan serantau, khususnya kebajikan serta hak asasi penduduk Jammu dan Kashmir.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Mengambil kira Dasar Luar Malaysia, Malaysia akan terus memberi perhatian kepada isu-isu yang memerlukan usaha penyelesaian oleh masyarakat antarabangsa termasuk Palestin, Rohingya dan Kashmir. Isu-isu ini sering dibangkitkan dalam forum-forum antarabangsa seperti PBB, Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

4. Semasa Persidangan OIC pada 19 Mei 2020, Malaysia, bersama beberapa negara anggota OIC telah menyuarakan kebimbangan terhadap nasib penduduk Jammu dan Kashmir. Kita juga telah membangkitkan kebimbangan mengenai gejala Islamophobia yang dilihat semakin meningkat di mutakhir ini di beberapa buah negara yang mempunyai masyarakat minoriti umat Islam.

5. Walaupun Malaysia mengamalkan dasar tidak campur tangan urusan dalaman negara lain, namun dalam situasi sebegini yang boleh menjejaskan kestabilan serantau, Malaysia sentiasa menyuarakan kebimbangan dan menekankan supaya isu Jammu dan Kashmir dapat diselesaikan menerusi proses dialog secara aman berlandaskan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan PBB. Di waktu dunia kini sedang dilanda pandemik COVID-19, Malaysia berharap supaya pihak-pihak yang terlibat dapat mencari satu jalan penyelesaian yang terbaik dan menyeluruh (*comprehensive*) dalam memastikan keamanan dan kestabilan serantau terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sebenar kehilangan pendapatan petroleum sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) telah melaporkan jumlah kehilangan pendapatan petroleum sekitar RM17 billion dari bulan Mac hingga Jun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2020, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan mengiktiraf keputusan Mahkamah Tinggi bahawa Sabah dan Sarawak boleh membuat undang-undang bagi mengenakan cukai jualan bagi hasil petroleum di bawah Perkara 95B (3) Perlembagaan Persekutuan? Apakah kesan pengiktirafan tersebut kepada Petronas sehingga CEO pun letak jawatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Kementerian Kewangan Malaysia, Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS sedang dalam proses rundingan bagi penyelesaian komersial yang antaranya turut melibatkan perkara berkaitan pembayaran cukai jualan Petroleum Negeri Sarawak (*"Sarawak State Sales Tax"*).

2. Setelah berbincang dengan Kerajaan Persekutuan, PETRONAS dan Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk menyelesaikan isu berkaitan Sarawak State Sales Tax (SST) secara rundingan dan tidak melalui tindakan undang-undang.

3. Sehubungan itu, PETRONAS pada 3 Ogos 2020 telah menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuching bahawa Sarawak berhak mengutip cukai jualan bagi produk petroleum. Kerajaan Negeri Sarawak, pada masa sama juga telah menarik balik rayuan balas berhubung isu bidang kuasa Mahkamah Tinggi mengenai SST.
4. Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya dan YB Menteri Kewangan bersama Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS ditubuhkan bagi merundingkan penyelesaian komersil termasuk isu SST dan tuntutan 20% royalti.
5. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah diadakan pada 17 Jun 2020 di Kementerian Kewangan yang dihadiri delegasi Sarawak diketuai oleh YB Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak serta wakil daripada pihak PETRONAS.
6. Pada masa ini, rundingan masih lagi diteruskan di antara ketiga-tiga pihak.
7. Suka saya maklumkan bahawa pentadbiran serta tadbir urus PETRONAS dikemudi oleh barisan kepimpinan eksekutif kanan yang diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Di samping itu, ahli lembaga pengarah PETRONAS yang diketuai oleh Pengerusi PETRONAS, dilantik dari kalangan pegawai kanan kerajaan serta tokoh korporat yang mempunyai latar belakang dan pengalaman yang luas. Komitmen serta peranan ahli lembaga pengarah adalah untuk memimpin, mengawasi dan memastikan urustadbir PETRONAS sentiasa telus dan berada pada tahap integriti yang tertinggi.
8. Di samping itu, ahli lembaga pengarah PETRONAS juga berfungsi dalam memastikan setiap keputusan diambil di peringkat tertinggi adalah selari dengan arah tuju dan keperluan korporat, serta pengendalian perniagaan dan operasi PETRONAS adalah mapan dan mematuhi perundangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2020, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : **10 OGOS 2020 (ISNIN)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab bekas Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Wan Zulkiflee Wan Ariffin meletak jawatan. Adakah ianya ada kaitan dengan rancangan untuk meminda Akta Pembangunan Petroleum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk meminda Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA1974). Oleh itu perkara yang dibangkitkan ini tiada kaitan dengan PDA1974.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH
A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 10 OGOS 2020

SOALAN

YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan terhadap dakwaan seorang Hakim Mahkamah Rayuan bahawa telahpun berlakunya campur tangan kehakiman di dalam kes rayuan bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor mendiang Karpal Singh dan sama ada pertuduhan akan dibuat ke atas mana-mana pihak berdasarkan dakwaan tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa kertas siasatan berhubung dengan dakwaan berlakunya campur tangan kehakiman dalam kes rayuan bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor mendiang Karpal Singh telah dibuka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
2. Walau bagaimanapun, siasatan tidak dapat diteruskan kerana keengganan saksi utama untuk memberikan kerjasama kepada pihak SPRM menyebabkan tiada sebarang keterangan yang dapat mengaitkan mana-mana pihak atau individu dengan dakwaan tersebut.
3. Kertas siasatan SPRM telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 25 Februari 2020 dan pada hari yang sama arahan "*No Further Action (NFA)*" telah dikeluarkan ke atas kertas siasatan tersebut oleh Peguam Negara pada masa itu, Tan Sri Tommy Thomas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 10 OGOS 2020

SOALAN

YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pendaftaran pengundi secara automatik dan penguatkuasaan usia kelayakan mengundi 18 tahun. Apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan bagi mempercepatkan pelaksanaan kedua-dua perkara ini.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di- Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas (2019) yang lalu.

2. Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan **pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan *standard operating procedures* (SOP) dan penyediaan sistem dan infrastruktur** bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

3. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan **beberapa sesi libat urus** bersama beberapa jabatan/agensi Kerajaan seperti berikut:

- (i) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri;
- (iii) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- (iv) Jabatan Penjara Malaysia;
- (v) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah;
- (vi) Kementerian Kesihatan Malaysia;

(vii) Angkatan Tentera Malaysia; dan

(viii) Polis DiRaja Malaysia.

4. Selain itu, SPR juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan seperti berikut:

(i) Sesi Libat Urus Bersama Parti-Parti Politik Dari Blok Kerajaan Dan Blok Pembangkang (Bipartisan) Berhubung Pelaksanaan Umur Pengundi dan Calon 18 Tahun serta Pendaftaran Pemilih Secara Automatik pada 3 Oktober 2019;

(ii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sarawak pada 26 November 2019; dan

(iii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sabah pada 3 Disember 2019.

5. Melalui penganjuran sesi-sesi libat urus tersebut, SPR telah memberi penerangan mengenai perancangan pelaksanaan pindaan undang-undang yang telah diluluskan serta mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada semua pihak.

6. Di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui **Jawatankuasa Taskforce SPR dan JPN** dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan-urusan lain yang berkaitan. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan akan dapat disiapkan dalam tempoh **18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019** yang lalu. Tarikh pelaksanaan tersebut dijangka selewat-lewatnya adalah pada bulan **Julai 2021**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan projek pembinaan dan pembaikan kompleks mahkamah tinggi yang lama di Georgetown, Pulau Pinang yang telah menjadi lama, usang dan tidak digunakan sejak beberapa tahun yang lalu.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yng Berhormat, Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang menempatkan lima (5) buah bilik Bicara Mahkamah Tinggi merupakan bangunan warisan yang telah dibina pada tahun 1809. Keadaan bangunan adalah terlalu uzur, mempunyai kerosakan pada struktur bumbung yang berlaku pada sistem kekuda bumbung dan kesan serangan anai-anai di setiap anggota struktur kayu bangunan. Bangunan juga tidak mencapai piawaian keselamatan minimum kerana sistem penyaman udara dan sistem pendawaian elektrik sering rosak dan bocor sehingga menimbulkan isu keselamatan ke atas pengguna. Sehubungan itu, bangunan ini telah mula dikosongkan pada **3 September 2018** atas arahan YAA Ketua Hakim Negara.

NO. SOALAN : 40

Susulan daripada keadaan bangunan yang memerlukan kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan semula bangunan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (dahulu dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi) telah meluluskan pelaksanaan Projek Menaik Taraf dan Pemuliharaan Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM14.7 juta di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) untuk dilaksanakan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). BHEUU telah melantik Jabatan Kerja Raya sebagai Agensi Pelaksana Projek dan projek ini dijangka akan dimulakan secara berfasa mulai tahun 2020 dan dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

Pelaksanaan projek ini perlu dibuat dengan perancangan yang teliti dan teratur kerana ia merupakan bangunan warisan dan segala kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan bagi pemuliharaan bangunan warisan dan juga merujuk kepada peruntukan berkaitan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 11 OGOS 2020

SOALAN

YB DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan isu PATI di Sabah.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Berkenaan usaha membanteras kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), pihak kerajaan tidak pernah berhenti dalam usaha mengekang kebanjiran PATI di seluruh negara termasuk Sabah. Walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), agensi yang berkaitan seperti Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah bersama Jabatan Imigresen Negeri Sabah dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia tetap melaksanakan pengusiran tahanan PATI di negeri Sabah.

2. Sehingga hari ini, seramai 6,036 orang PATI dari pelbagai negara telah ditahan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) manakala seramai 5,245 orang PATI berjaya diusir walaupun negara asal mereka iaitu Filipina dan Indonesia melaksanakan penutupan sempadan akibat wabak COVID-19, hasil kerjasama dan rundingan dengan negara-negara berkenaan.

3. Kawalan pintu sempadan negara ketika ini telah dipertingkatkan melalui Ops Benteng yang diaktifkan sejak bulan Mei yang lalu di bawah National Task Force (NTF) yang dibentuk hasil kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dan lain-lain agensi penguatkuasa di bawah NTF. Ops Benteng bertujuan mengekang kemasukan PATI yang juga berisiko membawa ancaman wabak penyakit COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa banyak tindakan yang telah diambil terhadap individu yang menyebarkan berita tidak benar dan adakah Kementerian bercadang mewujudkan kembali Akta Anti Berita Tidak Benar.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dia maklum, Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [*Akta 803*] telah berkuat kuasa pada 11 April 2018. Setakat 31 Ogos 2019, sebanyak 1 kes pertuduhan di bawah subseksyen 4(1) Akta 803 telah disabitkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Seterusnya, 3 permohonan perintah penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar di bawah subseksyen 7(1) Akta 803 telah didengar dan dilupuskan di mana sebanyak 2 permohonan didengar di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan 1 lagi permohonan didengar di Mahkamah Sesyen Melaka.

2. Pelbagai pihak telah menentang Akta 803 dengan alasan telah sedia ada undang-undang berkaitan berita palsu, laporan palsu dan penyalahgunaan media sosial antara lain seperti Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*]. Lanjutan itu, pemansuhan Akta ini telah dibentangkan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas. Dewan Rakyat pada 9 Oktober 2019 telah meluluskan Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 secara undian belahbahagian dengan 92 ahli Parlimen bersetuju dan 51 tidak bersetuju. Di Dewan Negara pada 19 Disember 2019 telah meluluskan RUU tersebut setelah kali kedua dibawa ke persidangan Dewan Ngaru.. Seterusnya Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020 [*Akta 825*] mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 20 Januari 2020 dan diwartakan pada 30 Januari 2020.

3. Selain menggunakan instrumen perundangan melalui Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia untuk menangani penularan berita tidak benar. Pelbagai bahan penyampaian maklumat juga digunakan seperti video, kapsul dan infografik kesedaran awam dan langkah-langkah pencegahan dalam pelbagai bahasa. Antaranya melalui portal Sebenarnya.my dan kempen #myviralvow dijalankan sejak tahun 2017 untuk mendidik warganet supaya lebih cakna dalam penggunaan Internet. Ini adalah selaras dengan matlamat untuk memastikan masyarakat mendapat berita dan maklumat yang sahih, ditentusahkan dan terkini.

4. Berkaitan dengan cadangan untuk mengembalikan Akta Antiberita Tidak Benar 2018, perlu diberi penelitian dari semua aspek termasuk keperluan rakyat dan perundangan bagi mengelakkan isu pertindihan fungsi dengan mekanisme sedia ada yang dilaksanakan Kerajaan untuk mengawal berita tidak benar pada ketika ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. AHMAD ZAHID
BIN HAMIDI [BAGAN DATUK]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [BAGAN DATUK] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah jangkaan kesan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China ditambah pula dengan pandemik COVID-19 terhadap import dan eksport Malaysia bagi tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China yang bermula sejak awal tahun 2018 telah mempengaruhi ekonomi global samada secara langsung atau tidak langsung. Perkembangan semasa menunjukkan bahawa kedua-dua ekonomi besar ini menyedari bahawa konflik yang berpanjangan ini tidak menguntungkan semua pihak dan oleh yang demikian ianya memerlukan suatu penyelesaian yang seimbang. Justeru, pihak Amerika Syarikat dan China telah memeterai perjanjian perdagangan dan ekonomi fasa pertama pada 15 Januari 2020 sebagai tanda mengeratkan hubungan kerjasama ekonomi dan mengurangkan ketegangan perdagangan antara kedua-dua negara. Perjanjian fasa pertama ini memperuntukkan pengurangan tarif oleh Amerika Syarikat dan peningkatan pembelian produk Amerika Syarikat oleh negara China.

2. Dalam menganalisa impak konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dengan China, adalah diperhatikan ianya tidak memberikan impak yang besar terhadap prestasi perdagangan Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut.

Prestasi perdagangan Malaysia 2019

3. Pada tahun 2019, jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat bernilai RM164.45 bilion, berkembang pada kadar 5.6 peratus berbanding tahun 2018. Bagi tempoh yang sama, nilai eksport Malaysia ke Amerika Syarikat berjumlah RM95.78 bilion atau kenaikan sebanyak 5.5 peratus dan import Malaysia pula bernilai RM68.67 bilion, meningkat sebanyak 5.7 peratus.

4. Jumlah perdagangan Malaysia dengan China pula meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada RM315.20 bilion pada tahun 2019. Manakala eksport Malaysia ke China pada tempoh yang sama bernilai RM139.61

bilion iaitu mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus dan import bernilai RM175.59 bilion, meningkat sebanyak 0.1 peratus.

Prestasi perdagangan Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2020

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sepertimana yang kita ketahui, penularan pandemik COVID-19 yang bermula pada awal tahun 2020 telah memberi impak kepada prestasi perdagangan banyak negara termasuk Malaysia. Secara keseluruhannya, prestasi perdagangan Malaysia telah menunjukkan sedikit kemerosotan bagi tempoh Januari hingga Jun 2020

6. Jumlah perdagangan Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, mencatatkan pengurangan sebanyak 7 peratus kepada RM833.36 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Eksport menyusut 6.8 peratus kepada RM448.99 bilion dan import berkurang 7.2 peratus kepada RM384.38 bilion. Lebihan dagangan pula bernilai RM64.61 bilion iaitu menurun 4.1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2019. Prestasi perdagangan yang sama turut dialami oleh negara-negara di rantau ini seperti Singapura yang telah mencatatkan pengurangan perdagangan sebanyak 10 peratus, Indonesia sebanyak 9.9 peratus dan Thailand sebanyak 9.8 peratus.

7. Penurunan eksport berlaku dalam hampir semua sektor utama khususnya barangan elektrik dan elektronik; petroleum mentah; gas asli cecair (LNG); barangan perkilangan logam; serta kimia dan bahan kimia. Punca utama penurunan eksport adalah disebabkan oleh sekatan operasi yang dikenakan semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana hanya sektor pembuatan *essential* dan kritikal yang dibenarkan untuk beroperasi.

8. Walau bagaimanapun, terdapat peluang-peluang perniagaan bagi sektor-sektor tertentu, contohnya sektor keluaran getah. Eksport sarung tangan getah melonjak sebanyak 40.3 peratus bagi tempoh tersebut

disokong oleh permintaan tinggi di pasaran global berikutan pandemik COVID-19. Selain itu, peningkatan eksport turut dilihat bagi produk peralatan perubatan seperti kit pemeriksaan (*test kits*), pembasmi kuman (*disinfectants*) dan barangan persediaan pembasuh kulit (*preparations for washing skin*).

Prestasi perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat bagi tempoh Januari hingga Jun 2020

Tuan Yang di-Pertua,

9. Walau bagaimanapun, di sebalik konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China serta penularan pandemik COVID-19, untuk tempoh Januari hingga Jun 2020, jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat merekodkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus kepada RM80.41 bilion berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2019. Eksport Malaysia ke Amerika Syarikat meningkat pada kadar 2.4 peratus kepada RM46.15 bilion, manakala import Malaysia dari Amerika Syarikat juga meningkat 4.1 peratus kepada RM34.26 bilion.

10. Hampir 80 peratus daripada eksport Malaysia ke Amerika Syarikat adalah disumbang oleh produk elektrik dan elektronik; produk keluaran getah; peralatan optikal dan saintifik; produk keluaran kayu; serta produk perkilangan yang lain. Manakala produk-produk yang menyumbang kepada 76 peratus daripada jumlah import dari Amerika Syarikat adalah produk elektrik dan elektronik; produk kimia dan bahan kimia; mesin dan peralatan; peralatan optikal dan saintifik; serta produk perkilangan logam.

Prestasi perdagangan Malaysia dengan China bagi tempoh Januari hingga Jun 2020

11. Jumlah perdagangan Malaysia dengan China bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 turut mencatat peningkatan sebanyak 0.3 peratus kepada RM149.16 bilion berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2019. Eksport Malaysia ke China meningkat pada kadar 8.3 peratus kepada RM69.43

bilion, disokong oleh eksport utama iaitu elektrik dan elektronik; kimia dan produk kimia; produk petroleum; pembuatan logam; serta barangan perkilangan yang lain. Manakala import Malaysia dari China menurun 5.8 peratus kepada RM79.73 bilion, dimana import utama merangkumi produk elektrik dan elektronik; mesin, peralatan & bahagian; kimia dan produk kimia; produk petroleum serta pembuatan logam.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Di sebalik perang perdagangan Amerika Syarikat dan China serta pandemik Covid-19, dapat dilihat juga ianya telah turut membuka ruang dan peluang perdagangan dan pelaburan Malaysia secara keseluruhannya termasuk dengan kedua-dua buah negara tersebut. Di antaranya ialah:

- a. Peningkatan kolaborasi dan kerjasama di antara syarikat China dan Malaysia, contohnya untuk sektor elektrik & elektronik khususnya dalam segmen *Electronic Manufacturing Services* (EMS) di mana syarikat China memanfaatkan fasiliti pengilangan di Malaysia untuk nilai tambah (*value-add*) pengeluaran barangan eksport mereka ke Amerika Syarikat; dan
- b. Peningkatan permintaan bagi produk perubatan termasuk sarung tangan perubatan, topeng muka, gaun hospital dan cecair pembasmi kuman daripada Amerika Syarikat, Eropah, India, Afrika, Amerika Latin, selain negara-negara ASEAN. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, eksport sarung tangan getah mengembang sebanyak 25.1 peratus disokong oleh permintaan tinggi di pasaran global berikutan pandemik COVID-19. Selain itu, peningkatan eksport turut dilihat bagi produk peralatan perubatan seperti kit pemeriksaan (*test kits*) yang meningkat sebanyak 43.7 peratus, pembasmi kuman (*disinfectants*) yang melonjak sebanyak 135.3 peratus dan produk persediaan pembasuh kulit (*preparations for washing skin*) dengan peningkatan sebanyak 26 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

13. Menyedari hakikat perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China serta penularan wabak Covid-19 yang masih berterusan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani impak perdagangan ke atas Malaysia, antaranya termasuk:

- a. Sebagai sebahagian daripada norma baharu, MATRADE telah mengambil inisiatif dengan memberi fokus kepada penggunaan teknologi digital di dalam membantu syarikat mengurangkan kos promosi eksport. Ini bagi memastikan syarikat pengeksport Malaysia kekal berdaya saing di pasaran antarabangsa meskipun di dalam situasi yang mencabar ini;
- b. Dalam kekangan keadaan semasa berikutan sekatan perjalanan rentas sempadan, MATRADE memanfaatkan penggunaan platform digital untuk mengatur pepadanan perniagaan (*eBizMatch*) diantara pembeli berpotensi dengan syarikat-syarikat pembekal Malaysia. Dari 1 Januari sehingga 31 Julai 2020, sebanyak 576 padanan perniagaan telah diadakan di mana 395 pembeli asing telah dipadankan dengan 538 syarikat Malaysia, menghasilkan potensi jualan sejumlah RM461.35 juta;
- c. Dalam usaha meneruskan program latihan pengeksport, MATRADE telah menganjurkan 110 webinar dari tempoh 1 Januari sehingga 31 Julai 2020 dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Asian Development Bank (ADB), Islamic Centre for Development of Trade (ICDT), The Star, eBay dan McKinsey & Co., yang merangkumi pelbagai topik untuk meningkatkan pengetahuan syarikat Malaysia mengenai situasi pasaran semasa. Dalam dua bulan terakhir ini, topik pasca Covid-19 menjadi tumpuan penyertaan syarikat Malaysia

kerana mereka ingin mengetahui trend terkini, peluang perdagangan dan cabaran akses ke pasaran eksport luar negara;

- d. Melalui aplikasi *MyExport*, syarikat-syarikat Malaysia dapat mengakses maklumat terkini mengenai kajian pasaran produk, statistik perdagangan, tender antarabangsa dan *trade leads* secara berterusan melalui aplikasi telefon bimbit sahaja. Bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Julai 2020, MATRADE telah menyebarkan 541 laporan pasaran dan 105 laporan kajian produk yang disediakan oleh 46 pejabat MATRADE di seluruh dunia. Melalui aplikasi *MyExport* juga, MATRADE telah menyebarkan sejumlah 1,827 *trade leads* iaitu pertanyaan perdagangan yang diterima daripada syarikat-syarikat asing yang berminat untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan dari Malaysia. Antara produk yang mendapat permintaan tinggi termasuklah produk farmaseutikal, makanan dan minuman, bahan kimia, automotif, perabot, serta elektrik dan elektronik;
- e. MATRADE juga telah membuat tinjauan (*survey*) dengan ahli-ahli berdaftar MATRADE serta dewan perniagaan dan perindustrian. Hasil maklumbalas yang diperolehi, antara langkah segera yang diambil adalah memperluaskan skop Geran Pembangunan Pemasaran (*Market Development Grant - MDG*) untuk turut meliputi aktiviti promosi perdagangan secara maya. Inisiatif ini adalah sejajar dengan Pakej Penjana yang diumumkan;
- f. Skop MDG juga diperluaskan untuk menampung kos penyertaan syarikat Malaysia di dalam pameran perdagangan antarabangsa secara maya di dalam dan luar negara. MDG juga turut menampung 30 peratus kos logistik termasuk pengangkutan dan pergudangan bagi penghantaran produk ke luar negara, seiring dengan hasrat Kerajaan bagi meringankan beban kewangan yang dialami syarikat-syarikat pengeksport

Malaysia dalam menghadapi pandemik COVID-19. Bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Julai 2020, sebanyak 1,427 permohonan daripada 962 syarikat telah diproses dengan geran sebanyak RM14.56 juta telah disalurkan;

- g. MATRADE juga telah membantu penyertaan syarikat-syarikat tempatan menerusi persidangan video (*video conference*) dalam ekspo-ekspo perdagangan yang dianjurkan di luar negara khususnya di China; dan
- h. MATRADE juga akan mengadakan beberapa sesi *Virtual Trade Clinic* (VTC) iaitu satu platform khidmat nasihat perdagangan bagi membantu syarikat mematuhi keperluan dan mengatasi cabaran eksport dalam usaha memulihkan operasi dan perancangan eksport syarikat Malaysia. Sebagai permulaan, MATRADE dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui *Electrical and Electronics Productivity Nexus* (EEPN) dan *Machinery and Equipment Productivity Nexus* (MEPN) menganjurkan VTC bagi syarikat elektrik dan elektronik.

Tuan Yang di-Pertua,

14. Bagi terus mengekal dan menarik pelaburan ke Malaysia khususnya syarikat-syarikat dalam rangkaian bekalan global (*global supply chain*) yang juga terkesan dengan perang perdagangan Amerika Syarikat dan China serta pandemik COVID-19, antara pendekatan yang diambil termasuklah:

- (i) Penyusunan semula rangkaian yang membolehkan produk-produk Malaysia digunakan sebagai pengganti barangan import dari China oleh Amerika Syarikat dan negara lain dalam rangkaian bekalan global;
- (ii) Menjadikan Malaysia sebagai destinasi penempatan semula bagi syarikat-syarikat yang terkesan dengan impak konflik

perdagangan Amerika Syarikat dan China dan pandemik COVID-19. Sehingga 31 Mei 2020, MIDA telah memberikan khidmat fasilitasi kepada 86 syarikat asing dan tempatan yang beroperasi di China yang berminat untuk menempatkan semula aktiviti syarikat di Malaysia. Daripada jumlah ini, MIDA telah berjaya menarik sejumlah 32 projek dengan pelaburan bernilai RM17.5 bilion di mana 28 projek (RM8.36 bilion) telah diluluskan dan 4 projek (RM9.14 bilion) sedang dalam proses penilaian;

- (iii) Menarik syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau (*regional production hub*) alternatif dalam penyelarasan strategi untuk memasarkan produk mereka dalam rantai bekalan global; dan
- (iv) menggalakkan pembesaran atau pelaburan semula oleh syarikat-syarikat pengeluar bertaraf global yang beroperasi di Malaysia bagi memenuhi keperluan import oleh Amerika Syarikat dan negara lain dalam rantai bekalan global. Dalam konteks ini, *Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)*, telah ditubuhkan di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi menyediakan khidmat fasilitasi untuk projek pembesaran dan pelaburan semula.

Tuan Yang di-Pertua,

15. Dalam menghadapi keadaan ekonomi global yang mencabar dan bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing, Kerajaan akan terus memperluaskan kerjasama dua hala, serantau dan pelbagai hala. Ini bagi memastikan kemampuan ekonomi dapat dipertingkatkan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.